



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,  
Regional Development and Communications

# Perkhidmatan pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja

Disampaikan oleh WorkCover WA di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

## Perkhidmatan

WorkCover WA, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan empat jenis perkhidmatan kepada Wilayah Lautan Hindi:

- Penyelesaian pertikaian: menolong usaha menyelesaikan pertikaian antara majikan dengan pekerja berhubung dengan tuntutan pampasan oleh pekerja
- Pematuhan: memastikan majikan menunaikan kewajipan undang-undang berkenaan dengan proses insurans dan tuntutan
- Kawal atur: memantau prestasi pemberi khidmat yang diluluskan
- Pendidikan: mendidik majikan, pekerja dan pemberi khidmat mengenai pampasan dan pengurusan kecederaan pekerja.

## Apakah ertinya bagi saya?

WorkCover WA boleh memberi anda nasihat tentang hak dan kewajipan anda menurut *Akta Pampasan Dan Pengurusan Kecederaan Pekerja 1981 (WA) yang berkuat kuasa*.

Untuk melindungi majikan dan pekerja, majikan diwajibkan oleh undang-undang untuk mendapatkan dan menyimpan dasar insurans pampasan pekerja yang terbaru. WorkCover WA memberikan nasihat tentang cara majikan boleh mendapatkan insurans pampasan pekerja dan menyokong pekerja yang tercedera semasa bekerja.

## Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon – nasihat dan bantuan	08 9388 5555
E-mel	<a href="mailto:communications@workcover.wa.gov.au">communications@workcover.wa.gov.au</a>
Laman web	<a href="http://www.workcover.wa.gov.au">www.workcover.wa.gov.au</a>